



BERGAMBAR bersama, Rozita (kiri) bersama Cosmas (kanan).

## Fokus majukan bahasa peribumi jadi pendorong kejayaan dua sarjana berbangsa Kadazan

NST 25.11.2018 5

KOTA KINABALU: Fokus memajukan bahasa peribumi tempatan khasnya Bahasa Kadazandusun menjadi pendorong kepada kejayaan dua sarjana berbangsa Kadazan yang wajar dicontohi oleh generasi muda khasnya.

Berbekalkan matlamat menyiapkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan, penerima Ijazah Doktor Falsafah (Linguistik); Dr. Rozita Buyoh dan penerima Ijazah Sarjana Sastera (Linguistik), Datuk Cosmas Julius Abah nyata membuktikan usia dan kerjaya bukan penghalang untuk menggenggam skrol ijazah di peringkat yang lebih tinggi.

"Saya memulakan pengajian untuk ijazah doktor falsafah ini pada Februari tahun 2015 dan saya menjalankan kajian dengan pengkhususan kepada morfologi Bahasa Kadazandusun bersama penyelia di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS.

"Saya menjalankan kajian yang memfokuskan kepada morfologi Bahasa Kadazandusun adalah kerana saya ingin membawa mesej bahawa bahasa ini juga mempunyai nilai yang perlu dilihat khasnya bagi peringkat persekolah dan di institut perguruan," kata Rozita.

Beliau ketika ditemui New Sabah Times kelmarin turut memberitahu bahawa matlamat beliau dalam melanjutkan pengajian mendapat sokongan penuh dari keluarga dan perjalanan bagi memperoleh skrol tersebut adalah satu perjalanan yang dipenuhi pelbagai kenangan.

"Kadangkala ada naik turunnya dalam perjalanan PhD ini kerana kita tidak dapat jangka apa yang akan berlaku dan semangat dan keazaman kental menjadi faktor saya mampu menyiapkannya seperti yang dirancang," katanya lagi.

Matlamat serupa turut dikongsi oleh sarjana veteran berjiwa muda, Cosmas yang tetap bersemangat walaupun usianya kini mencelah 72 tahun.

Ceria disapa dan tidak ketak berbicara, Cosmas mengagumi bahawa orang untuk menuntut ilmu tidak

mengira siapa, usia, darjah atau pekerjaan.

Katanya, perjalanan selama dua tahun enam bulan untuk menyempurnakan kajian tentang kumpulan Bahasa Kadazandusun adalah usaha yang memerlukan beliau menjadi lebih teliti dan mencatat setiap apa yang ditemui.

"Kajian saya meneliti kata dasar bagi semua pecahan bahasa dalam keluarga Bahasa Kadazandusun di sini dan saya sendiri sememangnya dari bangsa Kadazan Papar dan saya juga turut mencari, menyenaraikan, meneliti dan menganalisis semua kata dasar dalam pecahan bahasa ini yang ada bagi tujuan dibukukan untuk pembelajaran."

"Saya akui bahan rujukan untuk pengkhususan saya agak terhad, tetapi itu bukan menjadi masalah untuk saya terus juga melengkapkan kajian yang telah saya mulakan ini," katanya lagi sambil berseloroh ketika ditemui selepas tamat sesi Sidang Satu Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-20 disini kelmarin.

Jelas Cosmas, dorongan utuh dari keluarga yang terdiri daripada anak-anak dan cucu-cucunya menjadi pemacu kepada kekuatan beliau menyiapkan kajian untuk memperoleh skrol bagi ijazah sarjana walaupun diusia beliau.

Katanya lagi, idola dan pucuk pimpinan negara juga merupakan tokoh yang disegani bukan hanya di Malaysia, malah di seluruh negara dan beliau menjadikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai contoh ikutan.

"Jika pemimpin kita boleh disegani oleh semua termasuk di peringkat global mengapa kita sebagai warganegara Malaysia tidak mencontohi teladan yang baik itu."

"Sumbanglah segalanya kepada masyarakat sama ada dalam bidang ilmu pengetahuan, bahasa atau pembangunan masyarakat kerana kita sewajarnya mengikut jejak pemimpin kita," katanya lagi.

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE